

07 SEP 2000

IAP-KECEKAPAN/I

AHLI PANEL IAP CADANG MSC TUMPU KPD KECEKAPAN TERAS

CYBERJAYA, 7 Sept (Bernama) -- Ahli panel yang menyertai mesyuarat Panel Penasihat Antarabangsa Koridor Raya Multimedia keempat (MSC IAP) di sini hari ini mencadangkan MSC menumpukan kepada kecekapan teras Malaysia dan memajukan teknologi seiringan dengannya.

"Tidak mustahil bagi syarikat-syarikat kita untuk bersaing dengan syarikat-syarikat global," kata pengerusi eksekutif Perbadanan Pembangunan Multimedia (MDC) Tan Sri Dr Othman Yeop Abdullah.

Kecekapan teras itu termasuklah perkilangan, pertanian dan bioteknologi, katanya, sambil menyebut satu contoh bahawa dalam perkilangan, syarikat-syarikat MSC boleh mengkaji kemungkinan memajukan aplikasi yang boleh meningkatkan produktiviti.

Othman Yeop berkata ia adalah antara cadangan yang dibuat oleh ahli panel mesyuarat IAP, yang dianggotai oleh tokoh-tokoh IT terkemuka di dunia, ketika pengerusi IAP Datuk Seri Dr Mahathir meminta pandangan mereka mengenai bagaimana untuk menempatkan projek-projek MSC.

MSC, zon seluas 750 kilometer persegi di selatan Kuala Lumpur dibentuk sebagai pusat kegiatan bagi pembangunan produk dan perkhidmatan multimedia.

Bercakap kepada pemberita di penghujung hari pertama mesyuarat tiga hari itu, beliau berkata, terdapat juga cadangan bagi program lepasan ijazah untuk melatih pengurus dalam kemahiran pemasaran dan pembentukan mental yang diperlukan untuk bersaing di arena antarabangsa.

"Saya yakin kita mampu menarik pelbagai institusi pendidikan tinggi luar negara untuk menguruskan bersama program ini," katanya.

Mengenai isu telekomunikasi generasi ketiga, Othman Yeop berkata ahli-ahli panel menasihatkan Malaysia menumpukan kepada memajukan internet berkelajuan tinggi, akses sama rata di kedua-dua telekomunikasi wayarles dan tetap serta memajukan aplikasi dan kandungan internet.

Beliau berkata terdapat juga cadangan MDC, sebagai promoter MSC menjadi saluran bagi perusahaan kecil dan sederhana (SME) MSC bekerja sama dengan SME di projek koridor multimedia lain.

"SME diperlukan untuk mengekalkan pembangunan MSC dan mereka perlu bekerjasama dengan SME di negara lain untuk bergerak ke hadapan," jelas Othman Yeop.

Kepada satu soalan, beliau berkata Perdana Menteri dan kerajaan terbuka untuk menerima sebarang cadangan dan akan melihat kepada kewajarannya selepas mesyuarat tersebut berakhir.

Apabila ditanya mengenai ucapan pembukaan Dr Mahathir, Othman Yeop yang juga setiausaha IAP berkata, Perdana Menteri mengambil peluang itu untuk membetulkan segala salah faham pelabur-pelabur asing terhadap ekonomi Malaysia.

"Walaupun kita telah pulih sepenuhnya, mereka tidak mengiktiraf hakikat ini dan menganggap ianya sama sahaja bagi keseluruhan Asia Tenggara.

"Beliau cuba menjelaskan kepada anggota IAP bahawa Malaysia berjaya melepasi revival ekonominya," tambahnya.

Apabila diminta mengulas mengenai spekulasi pengundurannya Othman Yeop berkata kontraknya telah dilanjutkan untuk dua tahun lagi daripada awal Ogos lalu dan beliau akan menamatkan penggal tersebut.

Berhubung kebimbangan yang dibangkitkan oleh ahli panel bahawa syarikat-syarikat MSC gagal menarik dana modal teroka asing, beliau berkata perkara itu berkaitan dengan pasaran modal kerana modal teroka mahu jalan keluar yang mudah selepas mereka melabur dalam syarikat tertentu bagi satu

tempoh khusus.

Beliau menambah pasaran modal yang cergas akan membawa pulangan baik dalam tawaran awam permulaan (IPO) yang penting bagi modal teroka untuk keluar daripada sesebuah syarikat.

-- BERNAMA

MAD FR ZK MA